

**KENYATAAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
27 JANUARI 2014**

1. UCAPAN TAHNIAH DAN TERIMA KASIH KEPADA AHLI MAJLIS

Sempena dengan Majlis Penuh yang pertama pada tahun 2014 ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada 21 orang Ahli Majlis MPSP yang telah dilantik semula sebagai Ahli Majlis MPSP dan juga 3 orang Ahli Majlis MPSP yang baru dilantik oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Tidak lupa juga, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Majlis-Ahli Majlis MPSP yang telah banyak memberikan pendapat dan sumbangan dalam meningkatkan mutu perkhidmatan MPSP kepada stakeholder.

2. MAJLIS CABUTAN PEMENANG PROMOSI CUKAI PINTU 2014

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis telah berjaya memungut sejumlah RM20.28 juta sepanjang tempoh Promosi Cukai Pintu 2014 yang bermula pada 15 November 2013 hingga 31 Disember 2013. Jumlah ini telah melebihi daripada sasaran awal sebanyak RM16 juta. Daripada jumlah kutipan tersebut, sebanyak **25,775**

premis layak menyertai cabutan bertuah dan Majlis telah menawarkan sebanyak 77 hadiah cabutan bertuah untuk dimenangi.

Di sini saya memaklumkan bahawa Majlis Cabutan Pemenang Promosi Cukai Pintu 2014 akan diadakan selepas selesai Mesyuarat Majlis Penuh pada hari ini. Daripada jumlah **25,775** premis berkenaan, 77 pemenang akan ditentukan. Cabutan kali kedua daripada 77 pemenang berkenaan akan dibuat bagi menentukan pemenang dari tempat ke-37 hingga ke-77. Pemenang berkenaan akan dihubungi oleh urusetia bagi urusan pengesahan pemenang dan penghantaran hadiah.

Manakala bagi hadiah utama hingga ke-36, satu majlis khas iaitu Majlis Penyampaian Hadiah Cabutan Bertuah akan diadakan selepas Mesyuarat Majlis Penuh pada bulan Februari 2014 di mana baki 36 pemenang akan dihubungi dan diminta hadir bersama dan seterusnya mendapatkan hadiah cabutan hadiah yang dimenangi.

Warga Seberang Perai boleh menyemak senarai pemenang cabutan bertuah Promosi Cukai Pintu 2014 di laman web mpsp iaitu www.mpsp.gov.my mulai pada bulan 28 Januari 2014.

3. PENUTUPAN PERKHIDMATAN KAUNTER BERPUSAT PADA 1 FEBRUARI 2014 (SABTU) SEMPENA SAMBUTAN PERAYAAN TAHUN BARU CINA

Sukacita dimaklumkan pada 1 Februari 2014 (Sabtu), Kaunter Berpusat adalah ditutup sempena cuti sambutan Tahun Baru Cina. Perkhidmatan Kaunter Berpusat akan kembali beroperasi seperti biasa untuk kemudahan orang awam sempena bulan bayaran cukai taksiran pada 2 Februari 2014 (Ahad) bermula jam 8.30 pagi sehingga jam 12.30 tengah hari.

4. SENAMROBIK BERSAMA MPSP

Untuk mewujudkan warga Seberang Perai yang lebih sihat Program Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan di Taman Tunku pada hari Ahad 9 Februari 2014. Manakala Program Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi, Bagan pada 16 Februari 2014 (Ahad) dan Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 23 Februari 2014 (Ahad). Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah

dijemput untuk turut serta dalam aktiviti sihat kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

5. SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BARU CINA

Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru Cina kepada semua masyarakat Tionghua di Pulau Pinang yang akan disambut pada 31 Januari 2014 dan 1 Februari 2014.

SEKIAN, TERIMA KASIH.